**LAMPIRAN A**

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**
***(POLICY AND PLANNING SPECIALIST)***
**DI PEJABAT SEKRETARIAT SEAMEO, BANGKOK, THAILAND**

**1. Syarat Permohonan:**

i. Pegawai dari skim perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) sekurang-kurangnya Gred 44. Keutamaan adalah bagi pegawai yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);

ii. Mempunyai kelulusan akademik di peringkat Ijazah Sarjana di dalam bidang Pengurusan Pendidikan; Perancangan dan Dasar Pendidikan; Ekonomi atau lain-lain bidang berkaitan Sains Sosial;

iii. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan program dan projek di organisasi antarabangsa atau di agensi/institusi berorientasikan pembangunan;

iv. Mempunyai keupayaan dan pengalaman dalam merancang, menganjurkan serta menguruskan projek dan program dan mempunyai kemahiran analitikal dan penulisan yang baik;

v. Boleh bekerja di dalam persekitaran yang berbilang budaya serta boleh berinteraksi secara efektif dengan pelbagai pihak berkepentingan (stakeholders) sama ada di dalam dan di luar organisasi;

vi. Fasih bertutur dan menulis di dalam Bahasa Inggeris

vii. Berumur tidak melebihi 55 tahun;

viii. Mempunyai purata markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tiga (3) tahun terakhir adalah 85% ke atas (2019 – 2021) dan diperakukan oleh Ketua Jabatan;

ix. Bebas daripada tindakan tatatertib;

**2. Tugas dan tanggungjawab (Seperti di Lampiran C)**

**3. Cara memohon**

i. Permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan yang telah disertakan; dan

ii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan resume / *curriculum vitae* dan salinan sijil / dokumen sokongan yang telah disahkan dan dihantar melalui Ketua Jabatan kepada:

**Setiausaha Bahagian**
**Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa**
**Kementerian Pendidikan Malaysia**
**Aras 7, Blok E8, Kompleks E**
**Pusat Pentadbiraan Kerajaan Persekutuan**
**62604 Putrajaya**
**(u.p: Sektor Pelbagai Hala/Serantau)**

**iii.** Tarikh penerimaan permohonan adalah selewat-lewatnya pada **25 Februari 2022.**

**4. Temuduga**

i. Calon yang layak dan sesuai akan dipanggil untuk temuduga;

ii. Calon yang tidak menerima sebarang panggilan surat atau email temuduga dalam masa sebulan selepas tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya;

iii. Segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga adalah di bawah tanggungan calon sendiri; dan

iv. Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses.

**5. Keputusan Panel Pemilihan**

Keputusan Panel Pemilihan adalah muktamad.